

Menelusuri diplomasi Malaysia di Rom, Paris dan Rio de Janeiro

BERITA HARIAN 8 JUL 2025

m/s: 11

Oleh Datuk Farhan Fauzi
bhrencana@bh.com.my

Saya berkesempatan mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam satu misi diplomasi penuh makna, lawatan rasmi ke tiga kota dunia: Rom, Paris dan Rio de Janeiro.

Bukan sekadar rangkaian kunjungan negara, lawatan ini mencerminkan tekad Malaysia untuk memacu suara Selatan Global, memperkasa ASEAN dan membela masa depan rakyat Malaysia di pentas antarabangsa.

Ia sarat dengan hasil konkrit serta impak strategik jangka panjang yang akan mencorakkan wajah Malaysia sebagai negara yang dihormati, disegani dan diyakini dunia.

Perkasa hubungan strategik di Rom

Lawatan rasmi ke Rom disambut dengan penuh istiadat oleh Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni, satu penghormatan memperakui keutuhan hubungan antara Malaysia-Itali yang dibina atas asas persahabatan, kepercayaan dan kesalingan strategik.

Antara detik terpenting termasuk pertemuan empat mata antara kedua-dua Perdana Menteri yang menyentuh bidang kritikal seperti pelaburan, pertahanan, tenaga lestari, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi kenderaan elektrik.

Sesi Meja Bulat Ekonomi Malaysia-Itali yang menghimpunkan lebih 100 syarikat membuktikan keyakinan pelabur terhadap ekosistem perniagaan Malaysia yang kondusif, stabil dan progresif. Perbincangan bersama Fincantieri, Leonardo dan ENI pula membuka prospek kerjasama yang lebih luas dan jangka panjang dalam sektor pertahanan dan tenaga.

Namun lebih daripada itu, Perdana Menteri juga memperkukuh hubungan kemanusiaan dan nilai. Menerusi pertemuan bersama diaspora Malaysia dan komuniti Islam di Itali, beliau menyampaikan sebuah mesej pengiktirafan, kasih sayang dan harapan.

Sesi simbolik bersama pasukan penterjemah buku *Asian Renaissance* ke dalam bahasa Itali pula menyerlahkan satu lagi sisi diplomasi - diplomasi ilmu dan tamadun - yang merapatkan jurang antara Timur dengan Barat dan mengangkat suara Asia ke dalam wacana pemikiran Eropah.

Keakraban dan wawasan di Paris

Di Paris, Perdana Menteri disambut dengan penuh istiadat oleh Presiden Emmanuel Macron, satu lambang akrabnya hubungan Malaysia-Perancis yang terjalin sejak sekian lama.

Dalam pertemuan empat mata bersama Macron dan Perdana Menteri François Bayrou, Perdana Menteri bukan sahaja membincangkan pelaburan dan pertahanan, tetapi juga menahirkan prinsip Malaysia terhadap isu-isu global seperti konflik Gaza, Islamofobia dan keperluan keadilan antarabangsa. Perbincangan ini berlangsung dalam semangat saling menghormati dan nilai kemanusiaan sejagat.

Antara detik kemuncak ialah syarahan umum Perdana Menteri di Universiti Sorbonne, pusat keilmuan yang membentuk sejarah Perancis dan Eropah. Dalam syarahan bertajuk *Southeast Asia and Europe: Recalibrating the Terms of Engagement*, beliau menyeru reformasi hubungan Asia-Eropah agar lebih adil, setara dan menghormati kedaulatan negara-negara membangun.

Dalam ruang ekonomi pula, Mesyuarat Meja Bu-



Anwar bersama Macron pada sidang media lawatan Perdana Menteri ke Paris di Istana Elysee, Jumaat lalu.

(Foto BERNAMA)

lat bersama 40 syarikat utama Perancis mengangkat Malaysia sebagai pintu masuk ke ASEAN, menawarkan peluang pelaburan dalam sektor strategik seperti semikonduktor, tenaga boleh baharu, bioekonomi, aeroangkasa dan digital.

Perdana Menteri turut menyaksikan pemeteraian tiga dokumen penting, pembelian pesawat A321XLR oleh AirAsia, MoU antara 3P Capital dan Ardian serta kerjasama nadir bumi antara Malaco dan Carester yang menjadi bukti bahawa diplomasi Malaysia membuahkan hasil yang konkrit dan bermakna.

Martabatkan suara Malaysia, ASEAN di Rio de Janeiro

Tiba di bumi Rio de Janeiro sebagai Negara Rakan BRICS dan Pengerusi ASEAN, Malaysia melangkah dengan yakin ke gelanggang global.

Di Forum Ekonomi BRICS, Perdana Menteri menyampaikan ucapan berprinsip yang menolak dominasi unilateral dan menyeru kepada reformasi institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Beliau mengangkat gagasan Malaysia MADANI dan suara Selatan Global yang mendambakan sistem dunia yang lebih adil, saksama dan inklusif.

Majlis makan malam anjuran Yinson Holdings bagi meraikan kejayaan FPSO Atlanta pula menjadi bukti pencapaian syarikat Malaysia di luar pasaran tradisional. Sementara itu, pertemuan bersama komuniti perniagaan tempatan membuka lembaran baharu dalam hubungan ekonomi Malaysia-Brazil, khususnya dalam sektor tenaga dan teknologi.

Diplomasi berani, masa depan menjanjikan

Lawatan ini bukan sekadar simbol, tetapi ia adalah strategi negara. Ia memantapkan hubungan dua hala dengan kuasa besar Eropah, mengangkat suara ASEAN di BRICS dan merintis kerjasama strategik yang bakal memanfaatkan rakyat dalam bentuk pekerjaan, pembangunan kemahiran dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Antara hasil material utama diperoleh dari lawatan ini ialah RM8.13 bilion potensi pelaburan dan RM425 juta potensi eksport dari Itali, merangkumi pertahanan, semikonduktor, tenaga dan teknologi pintar.

Selainnya ialah perjanjian strategik dengan Perancis termasuk radar pertahanan Thales, pelaburan Airbus dan pembabitan syarikat Perancis dalam Zon Ekonomi Khas Malaysia. Kejayaan projek FPSO oleh Yinson di Brazil pula menandakan keupayaan syarikat Malaysia bersaing pada peringkat global.

Kerjasama ini turut menjanjikan limpahan manfaat jangka panjang melalui pemindahan teknologi, pembangunan bakat, pelaburan hijau dan integrasi Malaysia dalam rantaian bekalan global bernilai tinggi.

Jejak kepemimpinan sentuh jiwa

Saya sendiri menyaksikan kesungguhan Perdana Menteri. Saat pesawat merentasi langit dari Paris ke Rio, beliau tidak lena berehat. Sebaliknya, beliau tekun meneliti nota, menyusun hujah dan bersiap sedia untuk menyampaikan gagasan Malaysia kepada dunia.

Ini bukan rutin biasa. Ini adalah kepemimpinan berprinsip idealisme, kerja keras dan iltizam. Beliau percaya Malaysia tidak harus duduk di tepi, tetapi harus berdiri di tengah - memimpin, mencorak dan membela. Beliau melakukannya bukan untuk nama, tetapi untuk rakyat.

Lawatan ini membuktikan Malaysia hadir di pentas dunia bukan sekadar dengan kehadiran fizikal, tetapi dengan suara bernas, prinsip moral dan cita-cita besar. Dunia pula menyambut kita dengan hormat, kerana kita hadir membawa nilai.

Kita sebagai rakyat Malaysia, harus berbangga bahawa di saat dunia bergelora, kita punya pemimpin sanggup membawa obor keadilan, harapan dan masa depan lebih bermaruah.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH